

REMAJA: ANTARA CABARAN DAN HARAPAN

Alam remaja sememangnya indah dan mengasyikkan. Namun disebalik keindahan kehidupan seorang remaja, dia sebenarnya berhadapan dengan seribu cabaran. Apa tidaknya. Di usia remajalah seseorang itu belajar mengenali erti kehidupan sebenar. Belajar memenuhi fitrah seorang manusia, belajar membuat penyesuaian dengan perubahan-perubahan diri dan persekitaran. Ketika zaman kanak-kanak segala-galanya disediakan oleh ibu bapa. Namun setelah menjengah usia remaja mereka mula belajar untuk berdikari.

Perubahan hidup dari zaman kanak-kanak ke alam remaja menyebabkan mereka perlu memenuhi tuntutan-tuntutan dalam kehidupan.

Dalam usia ini, mereka akan berhadapan dengan tanggungjawab yang semakin berat serta keperluan diri dan persekitaran yang perlu diseimbangkan. Dunia remaja dikatakan bermula apabila seseorang itu mencecah usia 12 tahun sehingga 19 tahun. Ketika ini mereka akan mengalami perubahan dari segi fizikal, peranan dan pemikiran. Tubuh akan mengalami perubahan biologi dan hormon yang menghasilkan naluri kesedaran sendiri. Pada peringkat ini juga remaja akan tertarik kepada jantina berlawanan.

Remaja Dan Masalah Sosial

Apabila disebut masalah sosial, pasti golongan yang akan dikaitkan adalah remaja. Isu mengenai masalah sosial remaja sebenarnya telah lama dibincangkan. Semakin hari masalah ini semakin kritikal dengan gejala-gejala yang negatif dan memalukan untuk diperkatakan. Namun hakikatnya itulah yang berlaku hari ini. Mengapa fenomena ini berlaku?

Di awal usia remaja, biasanya mereka mencuba untuk mencari identiti diri yang sebenar. Mereka akan meniru lagak orang dewasa, artis terkenal, atau personaliti-personaliti pujaan. Oleh itu, bagi remaja yang mempunyai pengetahuan agama yang

cetek, mereka akan mudah mengikut arus persekitaran tanpa memikirkan baik atau buruk tindakan mereka itu. Bagi mereka "muda hanya sekali dalam hidup, jadi enjoylah sepuasnya".

Naluri seorang remaja yang inginkan kebebasan dan menganggap bahawa mereka boleh mengendalikan diri sendiri kadangkala boleh mengundang padah. Kecenderungan untuk hidup dalam keseronokan semata-mata akan merugikan remaja itu sendiri. Masyarakat hari ini cenderung menyalahkan antara satu sama lain dan ramai juga yang mengambil sikap tidak mahu menjaga tepi kain orang. Justeru berlakulah gejala-gejala seperti "mat rempit", seks bebas, dadah dan sebagainya yang sukar untuk dibendung lagi. Dalam hal ini, perkataan remaja itu sendiri jika ditakrifkan dari sudut negatif adalah seperti berikut;

- R** - Rock. Keras dan suka kepada kekerasan. Lihat sahaja pada remaja hari ini yang terjebak dengan kes-kes pembunuhan kejam dan tidak berperikemanusiaan.
- E** - Kehidupan remaja yang cenderung untuk hidup dalam situasi "Enjoy" dan gemarkan hiburan yang melalaikan.
- M** - Memberontak. Jiwa muda sememangnya pantang ditegur atau dicabar. Pasti ada sahaja tindakan yang akan dilakukan oleh remaja demi memuaskan hati.
- A** - Agresif. Seseorang remaja akan bertingka-laku agresif untuk membuktikan bahawa dia adalah seorang wira.
- J** - Kebiasaannya remaja suka berlumba-lumba bagi menunjukkan kepada umum bahawa mereka adalah seorang 'jaguh'. Mereka akan cuba menonjolkan diri. Fenomena ini biasanya berlaku di sekolah di mana mereka akan membentuk kumpulan atau klik masing-masing.
- A** - Angkuh. Sifat angkuh menyebabkan mereka sukar menerima pendapat orang lain.

Sikap 'tidak mahu menjaga tepi kain orang lain' seharusnya diganti dengan sikap 'suka menjaga tepi kain orang' demi untuk kepentingan bersama.

Pemuda Harapan Bangsa, Pemudi Tiang Negara

Golongan remaja mewakili peratusan tertinggi penduduk di Malaysia. Peranan dan tanggungjawab remaja sebagai generasi pemimpin pada masa akan datang sesungguhnya memberi impak yang besar kepada pembangunan negara.

Negara amat memerlukan barisan pelapis yang berwibawa, berkemampuan, mempunyai pendedahan yang luas, ilmu yang mendalam, mempunyai kemahiran terkini, personaliti yang menarik serta mempunyai minda kelas pertama.- Dr. Rozieta Shaari.

Jika kita ingin tahu keadaan negara pada masa akan datang, lihatlah remaja kita pada hari ini. Adakah remaja kita hari ini telah bersedia untuk memikul tanggungjawab memimpin negara suatu hari nanti?. Kepesatan pembangunan, dan perkembangan teknologi hari ini membantu anak-anak remaja untuk lebih maju dari segi pemikiran dan gaya hidup. Namun, tidak semua yang dipaparkan oleh kemajuan teknologi tersebut boleh diterima secara bulat-bulat untuk diterapkan ke dalam budaya kita. Justeru, dalam hal ini bukan sahaja ibu bapa yang perlu bertanggungjawab memastikan hala tuju seseorang remaja, malah segenap lapisan masyarakat harus memainkan peranan masing-masing. Sikap "tidak mahu menjaga tepi kain orang lain" seharusnya diganti dengan sikap "suka menjaga tepi kain orang" demi untuk kepentingan bersama.

Justeru, usaha bagi membantu golongan remaja seharusnya bermula dari awal lagi. Pendidikan awal kanak-kanak seharusnya bermula ketika mereka masih di dalam kandungan ibu. Banyak kajian yang telah membuktikan bahawa ibu yang sering berkomunikasi dengan anak di dalam kandungan akan melahirkan anak-anak yang cerdas dan pintar. Dalam Islam sendiri ibu-ibu yang hamil disarankan untuk membaca ayat-ayat suci Al-Quran. Misalnya jika kita inginkan anak-anak yang cerdik banyakkkan membaca Surah Luqman, jika inginkan anak yang comel bacalah surah Yusuf dan sebagainya. Pendidikan awal sebegini tidak seharusnya dipandang remeh oleh ibu bapa kerana didikan rohani yang sempurna mampu melahirkan modal insan yang berguna.

Pengaruh Rakan Sebaya

Kelompok rakan sebaya memang mempunyai peranan yang cukup kuat dalam pembinaan peribadi dan sahsiah individu terutama di kalangan remaja. Mereka boleh saling bantu-membantu dan lengkap-melengkapi ke arah pembinaan sahsiah diri yang cemerlang dan diredhai Allah - Dr. Muhamad Jantan.

Usia yang hampir sama antara remaja dan rakan-rakan turut membantu mereka untuk lebih memahami antara satu sama lain. Lantaran itulah kebanyakan antara anak-anak remaja kita lebih gemar menceritakan masalah atau perihal diri mereka kepada rakan-rakan masing-masing. Segala keinginan, hasrat dan minat akan dikongsi bersama dengan teman seusia. Dalam keadaan sebegini ibu bapa tidak seharusnya lepas tangan dari memantau pergerakan anak-anak. Mengenali teman rapat anak-anak remaja adalah satu cara yang lebih baik. Justeru, ibu bapa bukan sahaja dapat membantu perkembangan seseorang remaja dalam meningkatkan kemahiran diri sebagai makhluk sosial, malah membantu meningkatkan integriti yang kini semakin kurang diambil peduli oleh masyarakat.



Kesimpulan

Remaja adalah aset negara yang akan mewarisi kepimpinan pada masa akan datang. Oleh itu, remaja seharusnya mempersiapkan diri mereka bagi memikul tanggungjawab yang sedang menanti mereka. Remaja yang unggul ialah remaja yang mempunyai personaliti matang iaitu dapat menunjukkan sifat yang konsisten, kekal serta mempunyai mental emosi yang stabil. Justeru sebagai anggota masyarakat kita seharusnya sentiasa prihatin terhadap pembentukan anak-anak remaja pada masa ini. Mereka perlu diberi peluang mengemukakan pandangan dan pendapat agar dapat memupuk keyakinan diri dan dapat menyelesaikan masalah dengan baik dan bijaksana.

Oleh: Wan Saniah Wan Yahya (Kaunselor)